

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

25 Mar 2016

KEMAS KINI PASARAN MODAL

BURSA MALAYSIA MEMINDA SYARAT PENYENARAIAN DEMI MENGUKUHKAN RANGKA KERJA PENDEDAHAN DAN PELAKSANAAN HAK PEMEGANG SAHAM

Bursa Malaysia Berhad (“Bursa Malaysia”) telah mengeluarkan pelbagai pindaan kepada Syarat Penyenaraian (“LR”) Pasaran Utama dan Pasaran ACE, untuk meningkatkan standard pendedahan dan amalan Tadbir Urus Korporat (“CG”).

Selain perubahan kepada piawaian antarabangsa bagi pengauditan yang berkaitan dengan hal-hal audit utama dan usaha berterusan (“Standard”), Bursa juga memperkenalkan penambahbaikan untuk menggalakkan ketelusan yang lebih meluas dalam hal-hal penting yang diketengahkan dalam laporan juruaudit.

Pindaan dibuat selepas menjalankan kajian dan rundingan awam pada bulan Oktober 2015 dengan objektif utama untuk menggalakkan ketelusan dan mengekalkan standard yang paling tinggi dalam integriti pasaran dan perlindungan pelabur. Dalam proses memuktamadkan pindaan, Bursa mempertimbangkan maklum balas atau komen yang diterima mengenai Kertas Perundingan, dan mengkaji semula cadangan dengan sewajarnya.

Pindaan utama kepada LR merangkumi:

- menambah baik kualiti pendedahan dalam laporan tahunan dengan menetapkan pendedahan maklumat bukan kewangan seperti perbincangan dan analisis pengurusan (“MD&A”) untuk membantu pelabur membuat keputusan pelaburan bermaklumat, dan pada masa yang sama, mengurangkan beban pematuhan kawal selia dengan mengeluarkan maklumat yang dianggap lewah daripada laporan tahunan;
- meningkatkan integriti penyata kewangan dan ketelusan pada perkara penting yang diketengahkan dalam laporan juruaudit dengan mengadakan keperluan pendedahan segera dan berkala, antara lain, hal-hal audit utama dan perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan serta mengukuhkan peranan jawatankuasa audit dalam mengkaji penyata kewangan;
- memperkukuh amalan tadbir urus korporat syarikat yang disenaraikan dengan memberi mandat pungutan suara untuk semua resolusi yang dinyatakan dalam notis mana-mana mesyuarat agung atau dalam apa-apa notis resolusi yang boleh dilaksanakan dan bertujuan untuk dilaksanakan dalam mana-mana mesyuarat agung;

- meningkatkan ketelusan dan keterlibatan pemegang saham dengan mengadakan keperluan menyiarkan ringkasan perkara utama yang dibincangkan pada mesyuarat agung tahunan, di laman web syarikat yang disenaraikan itu; dan
- memperkemas keperluan LR yang berkaitan yang timbul daripada perubahan dalam undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pindaan akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari 30 April 2016, untuk memastikan tempoh yang mencukupi diberikan kepada syarikat tersenarai untuk memahami dan mematuhi pindaan ini.

[Sumber: Siaran media di laman web Bursa Malaysia pada 24 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Memandangkan MSWG akan mengadakan “Minggu Tadbir Urus MSWG-Majlis Pelabur Institusi (IIC) 2016” minggu depan, kami sememangnya mengalu-alukan pindaan oleh Bursa Malaysia ke atas Syarat Penyenaraian dan garis panduan serta akta yang berkaitan dengan pasaran modal kita demi menggalakkan lagi ketelusan dan tadbir urus korporat, khususnya pengenalan ringkasan minit prosiding untuk dimasukkan oleh syarikat awam yang disenaraikan. Di samping itu, pengundian secara poll turut diperkenalkan, selaras dengan perkembangan serantau serta semangat satu saham satu undi.

Kami berharap pihak berkuasa akan melihat cara untuk menangani syarikat yang mempunyai struktur pegangan saham tertumpu yang akan mengeneipkan pemegang saham minoriti apabila mengundi melalui poll. Kami juga mengalu-alukan pengenalan pengawas bebas semasa AGM untuk menyelia proses pengiraan.

LAPORAN SISTEM PEMBAYARAN DAN KESTABILAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”) 2015

BNM menjangkakan pertumbuhan KDNK sebenar dalam julat 4.0 - 4.5% pada 2016 dengan permintaan dalam negeri terus memacu pertumbuhan dengan sokongan daripada permintaan luar. Penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2016 dan kadar inflasi dijangka pada 2.5 - 3.5% pada 2016 dengan andaian tidak akan ada kenaikan dalam harga barangan. Lebihan akaun semasa negara berkurangan kepada 1 - 2% daripada Pendapatan Negara Kasar (“PNK”) pada 2016.

Hutang isi rumah (“HD”) untuk keseluruhan sistem kewangan meningkat kepada 89.1% daripada KDNK pada tahun 2015 (2014: 87.9%), namun aset HD sebagai peratusan daripada KDNK tidak banyak berubah walaupun masih jauh lebih tinggi daripada hutang HD pada tahap mutlak, menyebabkan nisbah aset kewangan kepada hutang HD pada 2015 menurun sedikit kepada 2.05 berbanding 2.10 pada tahun 2014.

Hutang luar negara berjumlah RM833.7b (US\$192.2b) atau 72.1% daripada KDNK pada akhir tahun 2015, berbanding RM747.5b atau 67.5% daripada KDNK pada akhir tahun 2014.

Pinjaman luar pesisir kekal rendah pada akhir 2015 dengan 40.1% daripada KDNK berbanding 60.0% semasa krisis kewangan Asia. Sebahagian besar daripadanya diambil kira oleh bank-bank yang mempunyai operasi mudah tunai mata wang asing domestik berpusat dengan kehadiran serantau. Pada masa yang sama, 75% daripada aset mata wang asing dimiliki oleh bank dan syarikat, yang mempunyai perlindungan yang mencukupi ke atas liabiliti luar negara mereka.

[Sumber: Siaran media di laman web BNM pada 23 Mac 2016]

KEMAS KINI MENGIKUT SEKTOR

PRESTASI SYARIKAT AWAM YANG BERIBU PEJABAT DI CHINA DI BURSA MALAYSIA PADA 22 MAC 2016

No	Nama	Harga pasaran semasa (RM)	Modal pasaran (RM juta)	Aset bersih sesaham (RM) ^	EPS (4 suku tahun) (RM) ^	Tunai sesaham bersih (RM) ^	P/B	P/E	Dividen dibayar (Sen)	Terbitan hak?	Jumlah pulangan (%) @#
1	China Automoblie Parts Holdings Limited	0.065	39,000	0.477	0.060	0.475	0.14	1.08	Tidak	Tidak	(81.5%)
2	China Ouhua Winery Holdings Limited	0.050	33,400	0.280	(0.025)	0.053	0.18	N.A.	2 (2010) 0.72 (2011)	Tidak	(87.1%)
3	China Stationery Limited	0.105	130,490	1.441	0.043	0.952	0.07	2.43	1.8 (2012) 1.6 (2012)	Tidak	(84.6%)
4	HB Global Limited (dahulunya dikenali sebagai Sozo Global Limited) [PN17]	0.050	23,400	0.436	(0.515)	(0.033)	0.12	N.A.	1.8 (2010) 3.8 (2012)	Tidak	(86.8%)
5	Ideal Jacobs (Malaysia) Corporation Bhd	0.145	19,677	0.190	(0.065)	(0.050)	0.76	N.A.	No	Tidak	(46.3%)
6	Kanger International Berhad	0.140	72,240	0.160	0.018	(0.006)	0.88	7.87	No	Tidak	(18.4%)
7	K-Star Sports Limited	0.050	13,320	0.565	(0.191)	(0.044)	0.09	N.A.	1.6 (2010)	Tidak	(90.8%)
8	Maxwell International Holdings Berhad	0.045	17,949	1.340	(0.125)	0.915	0.03	N.A.	3.35 (2010) 1.75 (2011)	Tidak	(86.0%)
9	Multi Sports Holdings Ltd	0.065	33,638	1.109	(0.018)	0.620	0.06	N.A.	2.5 (2010) 3.11 (2011)	Harga terbitan - RM0.38 (1R:4S) [2010]	(89.4%)
10	Sino Hua-An International Berhad (RTO: dahulunya dikenali sebagai Antah Holdings Berhad)	0.040	44,892	0.490	(0.249)	0.021	0.08	N.A.	2.275 (2008) 0.178 (2010)	Tidak	(95.6%)
11	Sinotop Holdings Berhad (RTO: dahulunya dikenali sebagai John Master Industries Berhad)	0.045	88,852	0.110	0.001	0.03	0.41	40.91	No	Harga terbitan - RM0.2 (10R:1S) [2010]	(98.0%)
12	Xidelang Holdings Ltd	0.050	134,774	0.331	0.002	0.328	0.15	27.91	1.5 (2010) 1 (2010) 0.5 (2012)	Harga terbitan - RM0.05 (1RW:2S) [2012] Harga terbitan - RM0.35 (1R:3S) [2013]	(83.0%)
13	XingHe Holdings Berhad (RTO: dahulunya dikenali sebagai Key West Global Telecommunications Berhad)	0.055	129,168	0.220	0.034	0.111	0.25	1.63	0.2 (2014)	Tidak	(77.0%)
14	Xingquan International Sports Holdings Limited	0.280	94,658	3.840	0.160 *	2.377	0.07	1.75	2.5 (2010) 2.5 (2010) 2 (2012) 2 (2015)	Tidak	(83.1%)
Purata							0.24	11.94	Purata Jumlah Kerugian		(79.1%)

Nota:

^ Berdasarkan keputusan kewangan terkini pada 31 Disember 2015.

* Berdasarkan data tahunan.

@ Jumlah pulangan sejak penyenaian dikira berdasarkan modal yang dilaburkan ke dalam senarai IPO dan langganan penuh kelayakan terbitan hak.

Pulangan termasuk pembayaran dividen, waran boleh cerai percuma serta kenaikan harga saham.

KOMEN MSWG:

Menurut statistik yang dikumpulkan oleh MSWG dari laman web Bursa Malaysia, 4 daripada 14 syarikat yang beribu pejabat di China tidak pernah membayar sebarang bentuk dividen sejak penyenaian di Bursa Malaysia. Walaupun 10 lagi syarikat yang beribu pejabat di China membayar dividen tunai sebelum ini, namun kuantum dividen itu adalah minimum dan tidak seimbang dengan pendapatan yang dijana atau kedudukan tunai bersih syarikat. Sebahagian besar syarikat yang beribu pejabat di China ini tidak pernah membayar dividen sejak tahun 2012, kecuali XingHe Holdings Berhad dan Xingquan International Sports Holdings Limited.

Daripada pengiraan kami, purata jumlah kerugian untuk kesemua 14 syarikat adalah 79.1%, ada di antaranya setinggi 98% sejak penyenaian.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

MALAYSIA SMELTING CORPORATION BERHAD (“MSC”)

Seperti yang diumumkan dalam laman web Bursa Malaysia oleh MSC pada 18 Mac 2016, tiga pengarah bebas syarikat itu meletak jawatan. MSC melantik pengarah baru pada hari yang sama. Berikut adalah butiran perubahan dalam Lembaga Pengarah MSC:

No	Nama	Jawatan pengarah	Tindakan	Sebab
1	Encik Razman Ariffin	Pengerusi / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (“INED”)	Meletak jawatan	Sebab peribadi
2	Cik Gee Siew Yoong	INED	Meletak jawatan	Sebab peribadi
3	Mr Chew Hoy Ping	INED	Meletak jawatan	Sebab peribadi
4	Cik Chew Gek Khim	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	Pelantikan	-

[Sumber: Pengumuman MSC di laman web Bursa Malaysia pada 18 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Apabila 3 daripada 4 Pengarah Bebas MSC meletak jawatan pada hari yang sama dan kesemuanya menyatakan atas sebab peribadi, ia mendatangkan kebimbangan pada MSWG. Tambahan pula, salah seorang Pengarah Bebas ini turut meletak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ini menunjukkan petanda kurang baik dalam hal tadbir urus.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Malaysia Smelting Corporation Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.